



HAJI SUHAIMI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

TIM. KM PULAU PINANG BELUM PUTUS

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau belum membuat sebarang keputusan berhubung dengan desakan-desakan UMNO supaya dilantik seorang Timbalan Ketua Menteri di Pulau Pinang.

Perdana Menteri menjelaskan, tidak terdapat peruntukan dalam perlembagaan Negeri bagi perantukan seumpama itu.

UMNO Negeri itu berpendapat, adalah wajar seorang tokoh UMNO Negeri diberi peluang menduduki jawatan tersebut memandangkan UMNO memperolehi 10 kerusi Dewan Undangan Negeri manakala Gerakan Iapan dan MCA enam di samping satu MIC.

Antara yang menyokong desakan tersebut ialah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Kamaruddin.

Beliau berpendapat tindakan melantik seorang Timbalan Menteri di Pulau Pinang sebagai wajar memandangkan UMNO memperolehi 10 kerusi Dewan Negeri.

Beliau yang kini Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menegaskan, masyarakat Melayu negeri itu perlu diberi perhatian teliti.

2705

ASI/85